

02 JUL 1997

## PENINGKATAN INDEKS KOMPOSIT DLM SEPARUH KEDUA '97 TIDAK LEBIH 10 PERATUS

Oleh: Siti Hawa Othman & Yati Mohd Yassin

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Sebarang peningkatan pada Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur dalam enam bulan kedua tahun ini mungkin tidak akan melebihi 10 peratus, kata para penganalisis.

Ramai penganalisis saham mengambil sikap konservatif terhadap BSKL yang dijangka ditenggelamkan buat sementara waktu oleh pasaran-pasaran saham Hong Kong dan Shanghai.

Kecuali sesuatu yang memberangsangkan berlaku di pasaran tempatan, pengurus-pengurus dana akan lebih memberi perhatian kepada bursa-bursa Hong Kong dan China itu.

Hong Kong, yang kini berfungsi sebagai Wilayah Pentadbiran Khas (SAR) China, akan menyambung semula dagangan saham esok.

Pelabur-pelabur menaruh keyakinan bahawa ekonomi Hong Kong akan lebih dinamis selepas penyerahan baru-baru ini kerana kebanyakan syarikat di sana menjalankan perniagaan dengan syarikat-syarikat China. Lebih banyak penggabungan dan pembelian akan dilakukan bagi mempertingkatkan perniagaan mereka.

Sejak dua tahun lalu, pengurus-pengurus dana seluruh dunia mengikuti perkembangan Hong Kong dengan teliti dan sejak 12 bulan lalu, Indeks Hang Seng telah meningkat sebanyak 40 peratus. "Selepas penyerahan itu, ia dijangka meningkat 20 peratus lagi," kata seorang penganalisis.

Tetapi jika Hong Kong goyah, yang agak mustahil berlaku, maka dana-dana asing akan melimpah ke bursa-bursa Asean.

Bagi enam bulan pertama tahun ini, penganalisis berkata prestasi BSKL agak mengecewakan. Ia akan terus begini melainkan jika kebimbangan tentang gambaran makroekonomi rantau ini sebagaimana anggapan pengurus-pengurus dana asing dapat diperjelaskan.

Akibatnya, pengurus-pengurus dana enggan memasuki pasaran Malaysia dan Thailand buat sementara waktu. Thailand mengalami tekanan sejak krisis baht pada bulan Mei.

Apabila ditanya pendapatnya tentang pasaran tempatan, Presiden Persatuan Pelabur Malaysia Dr P.H.S Lim menyatakan keyakinan beliau terhadap prospeknya dalam jangka sederhana dan berkata ia dijangka meningkat dalam suku akhir tahun ini. "Ketika ini penjual-penjual mulai lesu dan pasaran mengakhiri arah menurunnya."

Walaupun saham-saham Papan Utama dijangka bergerak perlahan, namun, katanya saham-saham Papan Kedua akan bergerak agresif ekoran kegiatan membeli dan menjual berselang hari. Saham-saham mewah, yang sedang dalam proses pengukuhan pada masa ini, seharusnya selesai mengukuh sekitar suku tahun ini."

Kata Dr Lim nisbah pendapatan harga (PER) Malaysia kini ialah 24 kali dan diunjurkan kurang daripada 20 kali dalam setengah tahun akan datang.

"Dengan yang demikian, saham-saham kita menjadi begitu menarik," katanya, sambil menambah bahawa pendapatan korporat cukup menggalakkan, terutama bagi kumpulan DRB Hicom, bank dan institusi kewangan.

Seorang penganalisis kanan dari OSK Securities yang sependapat dengan Dr Lim, merasakan kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari percutiannya di luar negara akan merangsang pasaran tempatan selanjutnya.

Yang kurang menggalakkan ialah walaupun saham-saham Malaysia kini lebih murah berbanding awal tahun ini, pengurus-pengurus dana masih lagi tidak memasuki pasaran kerana mereka agak bimbang dengan dasar kewangan negara

ini, terutama dasar kewangan Bank Negara yang ketat dan kenaikan kadar faedah, serta krisis baht Thailand.

Permodalan pasaran bagi bursa tempatan pula telah mengecil sebanyak RM84 bilion berikutan kesan daripada dasar inflasi berasaskan anti-aset bank pusat yang telah mengurangkan minat pengurus-pengurus dana untuk memasuki BSKL. Sebaliknya pelabur-pelabur asing telah mengalihkan perhatian mereka ke Hong Kong.

Dari segi ekonomi, para penganalisis menjangkakan sedikit kelembapan dalam sektor-sektor pembuatan dan pembinaan serta perniagaan runcit dalam enam bulan kedua tahun ini.

Seorang lagi penganalisis berkata dengan ketidak tentuan yang berpanjangan, terutama berhubung pasaran harta, serta kelembapan eksport setakat ini tahun ini, keadaan ini akan berlanjutan beberapa bulan lagi sebelum ia pulih.

"Kita juga memerlukan aliran masuk dana yang besar dari luar negara bagi merangsang pasaran tempatan kita," tambah beliau. -- BERNAMA

SHO YY KY/sia